



USAHA mengekalkan keharmonian negara yang memiliki masyarakat berbilang kaum dilihat bukan satu perkara mudah dan boleh dipandang enteng.

Justeru, semua lapisan masyarakat tidak kira di peringkat pemimpin negara mahupun anak kecil perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjaga keharmonian yang telah kita kecapai selama ini.

Setiausaha Agung Gerakan Belia 4B Malaysia, Mohamad Nazri Abdul Latiff berkata, kunci kepada perpaduan dan keharmonian kepelbagaian kaum antaranya adalah menjunjung Perlembagaan Persekutuan.

Menurutnya, dalam kehidupan masyarakat majmuk yang diamalkan di negara ini, semua pihak perlu memahami asal usul, menghormati serta menerima budaya, bahasa, agama dan cara hidup setiap bangsa.

"Kita juga perlu menanam sifat sebagai sebuah keluarga dan saudara. Sekiranya kunci ini disematkan dalam dada setiap insan yang berada di bumi bertuah ini, sudah pasti keharmonian dapat berkekalan.

"Bagaimanapun, tidak dinafikan ada segelintir golongan yang bersikap dan bersifat ekstremis yang bertindak menabur fahaman perpecahan serta menyemarak api perkauman bagi mencetuskan suasana tidak aman dalam negara demi kepentingan peribadi," katanya ketika dihubungi Sinar Harian baru-baru ini.

Beliau berkata, sekiranya semua rakyat berpegang kepada kunci tersebut selain memainkan peranan masing-masing, maka golongan yang sering mencetuskan perkauman dapat dibendung.

"Jika kita bersatu dan tahu peranan masing-masing, golongan ini bukan sahaja dapat dibendung malah terus dibanteras daripada terus memporak- perandakan negara yang kita cintai ini. Malaysia sebuah negara yang istimewa kerana ia memiliki kepelbagaian kesenian budaya, bahasa, agama dan cara hidup.

Ini kerana Malaysia mempunyai pelbagai bangsa yang hidup di bawah satu bumbung yang mana ia bermula dari sejarah pembentukan Malaysia (Tanah Melayu). Selepas berlakunya siri peperangan untuk membebaskan Tanah Melayu daripada tangan penjajah dan menuntut hak kemerdekaan, maka bermulanya era kepelbagaian bangsa yang menetap di Malaysia," katanya.

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan artikel yang telah dikemukakan.

1. Apakah kunci kepada perpaduan dan keharmonian kepelbagaian kaum menurut Setiausaha Agung Gerakan Belia 4B Malaysia?
2. Antara perkara yang perlu diamalkan untuk mengekalkan keharmonian negara ialah....
3. Mengapakah segelintir golongan bersifat ekstremis yang bertindak menabur fahaman perpecahan serta menyemarak api perkauman bagi mencetuskan suasana tidak aman dalam negara?
4. Mengapakah Malaysia merupakan sebuah negara yang istimewa?
5. Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh anda lakukan untuk mengekalkan keharmonian negara?
6. Apakah implikasi pengabaian sifat saling menghormati antara kaum di Malaysia?

1.